



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepayang 1,  
Basco Avenue@Kepayang,  
31400 Ipoh, Perak

No Tel : 605 - 246 2100  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (39)  
Tarikh : 6 Mei 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN GAJI SELAIN PEGAWAI LANTIKAN  
TETAP/KONTRAK MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Para 13 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 2 Tahun 2026 - Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan bertarikh 2 April 2026.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 2 Tahun 2026 - Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan, Para 13.2 menyatakan "Bahagian/Unit Kewangan hendaklah mengemukakan permohonan pembayaran gaji **selain pegawai lantikan tetap/kontrak** melalui Arahan Pembayaran secara bertulis kepada Pejabat Perakaunan". Kenyataan "**selain pegawai lantikan tetap/kontrak**" merujuk kepada **bukan pegawai awam** termasuk **Personel MySTEP**.

3. Sehubungan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mengemukakan surat permohonan pembayaran emolumen Personel MySTEP melalui Arahan Pembayaran secara bertulis kepada Unit Gaji, JANM Negeri Perak dengan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran 1** berkuat kuasa mulai **1 Mei 2026**. Sekiranya permohonan kelulusan hendak dibuat secara bertempoh, PTJ perlu memaklumkan tempoh permohonan bayaran bagi kelulusan Jabatan ini.

4. Justeru, dimohon agar Ketua Jabatan untuk memanjangkan pemakluman ini kepada semua pegawai yang terlibat di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai yang bertanggungjawab bagi PTJ masing-masing di Unit Gaji JANM Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(ZULKHAIRY BIN IBRAHIM C.A.(M),CPA(Aust))  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Perak

## Lampiran 1

### SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN ARAHAN PEMBAYARAN SELAIN PEGAWAI LANTIKAN TETAP/KONTRAK

- Surat permohonan daripada Ketua Jabatan berserta justifikasi dan jumlah pembayaran emolumen;
- Salinan Surat Tawaran Pelantikan;
- Salinan Penyata KWSP;
- Salinan Buku/Penyata Bank yang aktif;
- Salinan kad perakam waktu/laporan kehadiran;
- Penyata Pengiraan Kehadiran;
- Surat Akuan Sumpah/Borang AM80 (sekiranya jumlah di bawah RM2,000.00) bagi bayaran kepada waris selain pegawai lantikan tetap/kontrak yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan (jika berkaitan);
- Salinan Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi/Pejabat Tanah Daerah/ Amanah Raya (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00) bagi bayaran kepada waris selain pegawai lantikan tetap/kontrak yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan (jika berkaitan); dan
- Dokumen sokongan lain yang berkaitan.

#### NOTA:

*Senarai semak dokumen sokongan seperti di atas adalah sebagai panduan semasa permohonan kelulusan bayaran. **Semua salinan dokumen sokongan hendaklah disahkan dengan perakuan sebagai "SALINAN BENAR DARIPADA YANG ASAL"**. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen ini akan menyebabkan permohonan dari PTJ dikuiiri.*